

## HUBUNGAN RUSIA-UKRAINE PASCA KEJATUHAN KESATUAN SOVIET: DARI PERSELISIHAN KECIL KE KANCAGH PERANG<sup>©Σ</sup>

MAIFUZA ABDUL MALIK\* DAN RIKI RAHMAN†

### ABSTRAK

Selepas tamatnya Perang Dingin dan Kesatuan Soviet dibubarkan pada tahun 1991, Ukraine dan Rusia menjalankan kerjasama yang baik dari pelbagai aspek, walaupun terdapat beberapa pergeseran dalam isu domestik. Ukraine mengambil pendekatan berkecuali dalam menjalankan pentadbirannya kerana Ukraine memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak termasuk Rusia dan Barat. Namun, semuanya berubah apabila Ukraine menyatakan hasrat untuk menganggotai NATO pada tahun 2008. Hasrat itu diterima baik oleh NATO, sebaliknya ditentang oleh Rusia sehingga mencetuskan konflik berlarutan dengan Ukraine, termasuk pengambilalihan Crimea dan pendudukan di Donbass. Kajian ini bertujuan untuk menghuraikan perkembangan konflik yang berlaku antara Rusia dan Ukraine dan untuk mengenalpasti faktor pencetus konflik diantara kedua-dua negara. Kaedah perpustakaan digunakan untuk mengumpulkan maklumat sekunder daripada buku, jurnal, laporan, akhbar dan sumber internet yang berintegriti. Hasil kajian mendapati tindakan Rusia menyerang Ukraine disebabkan untuk memastikan survival dan keselamatan kedaulatannya daripada ancaman kuasa besar seperti AS dan NATO yang semakin hampir di rantaunya Eropah Timur. Kajian ini juga mendapati terdapat dua faktor yang mencetuskan berlakunya konflik Rusia dan Ukraine, iaitu dalaman dan luaran. Faktor luaran seperti peluasan kuasa dan pengaruh Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah, NATO yang menghampiri sempadan Rusia dan kuasa geoekonomi Rusia di luar negara adalah memainkan peranan dalam mencetuskan konflik tersebut. Manakala faktor dalaman pula ialah kewujudan kumpulan elit Rusia yang berperanan mengambil keputusan penting negara dan keupayaan ketenteraan Rusia yang hebat.

**Kata kunci:** Rusia, Ukraine, NATO, konflik, operasi khas ketenteraan.

<sup>©</sup> Para Penulis. 2023. Diterbitkan oleh Penerbit UKM bagi pihak SPHEA, FSSK UKM dan MPAT. Ini adalah artikel Akses Terbuka (*Open Access*) yang diedarkan menerusi syarat Lesen bebas karya yang tidak berhak cipta [creative common (CC)]: <https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>, yang membenarkan penggunaan, pengedaran, pengeluaran semula tanpa had dalam mana-mana medium dengan syarat karya asal dipetik dengan betul dan tepat (diterbitkan SINERGI).

<sup>Σ</sup> **Maklumat artikel:** Tarikh penghantaran: 15 Februari 2023; Tarikh penerimaan: 24 Julai 2023; Tarikh penerbitan: 31 Disember 2023.

\* **Penulis Pertama:** Maifuza Abdul Malik, M.Soc.Sc (UKM), Ketua Penolong Pengarah, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Kementerian Dalam Negeri, Jalan Maktab Perguruan Islam, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia. Alumni Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Email: maifuza@adk.gov.my

† **Penulis Kedua dan Penulis Penghubung:** Riki Rahman, PhD (UKM), Pensyarah Kanan, Jabatan Sains Sosial, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum dan Ketua Kumpulan Fokus SUCCEED, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia. Email: riki@uthm.edu.my

## **RUSSIA-UKRAINE RELATIONS AFTER THE FALL OF THE SOVIET UNION: FROM MINOR DISPUTES TO THE BATTLEFIELD**

**MAIFUZA ABDUL MALIK DAN RIKI RAHMAN**

---

### **ABSTRACT**

*After the end of the Cold War and the dissolution of the Soviet Union in 1991, Ukraine and Russia established good cooperation in various aspects despite some shifts in domestic issues. Ukraine adopted a policy of neutrality in its administration because it needed cooperation from various parties, including Russia and the West. However, everything changed when Ukraine expressed its desire to join NATO in 2008. This desire was welcomed by NATO but opposed by Russia, leading to an ongoing conflict with Ukraine, including the annexation of Crimea and the occupation of Donbas. This study aims to explain the development of the conflict between Russia and Ukraine and identify the triggering factors between the two countries. The library method was used to gather secondary information from books, journals, reports, newspapers, and credible Internet sources. The study found that Russia's attack on Ukraine was driven by the need to ensure its survival and sovereignty against major powers such as the US and NATO, which were increasingly approaching the Eastern Europe region. The study also found two factors that triggered the conflict between Russia and Ukraine, namely internal and external factors. External factors such as the expansion of power and influence of the United States, the European Union, and NATO approaching Russia's borders, as well as Russia's geo-economic power beyond its borders, played a role in triggering the conflict. Meanwhile, internal factors include the presence of Russian elite groups that play a role in making important state decisions and Russia's formidable military capabilities.*

**Keywords:** *Russia, Ukraine, NATO, conflict, special military operation.*

## Pengenalan

Pembubaran Kesatuan Soviet (KS) pada tahun 1991 menandakan tamatnya Perang Dingin selama lebih empat puluh tahun di antara KS dengan Amerika Syarikat (AS). Pada masa ini dunia menikmati perdamaian global. Namun, pembuat dasar dan sarjana tidak dapat menafikan bahawa sekarang dunia kembali bergolak, tidak stabil dan dalam keadaan berperang. Contoh mudah ialah isu nuklear Korea Utara, kebangkitan China dan apa yang berlaku antara Rusia dan Ukraine sekarang (Peou 2023, 8). Selepas kejatuhan KS, Rusia yang pada waktu itu berada di bawah naungan KS telah menjadi negara berdaulat yang baru dan mendapat pengiktirafan langsung daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) (Rodrigues dan Pereira 2020, 199). Selepas pembubaran Kesatuan, Rusia berada dalam keadaan ekonomi yang buruk. Bagi membangunkan semula negaranya, Rusia memulakan proses pendemokrasian dengan mengamalkan dasar ekonomi terbuka dan cuba menjalinkan hubungan baik dengan AS, serta mengembangkan diplomasi dengan negara bukan komunis.

Dalam tempoh ini Rusia percaya bahawa sistem demokrasi ini bukanlah sesuatu yang ditetapkan Barat tetapi sebagai suatu proses akar umbi dalam usaha mentransformasikan sistem Soviet ke dalam sistem yang disebut Gorbachev sebagai humane, democratic socialism yang secara jelas bertentangan dengan elemen ortodoksi Soviet (Sakwa 2015, 27). Rusia kemudian sedar bahawa dengan tamatnya Perang Dingin (stigma masyarakat antarabangsa yang mengatakan Rusia telah kalah di tangan AS) dan usaha mengubah haluan Rusia kepada demokrasi kapitalis bermakna telah menafikan sejarah 70 tahun KS. Lebih-lebih lagi apabila Rusia ditawarkan keanggotaan dalam Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO) dengan sistem sedia ada, suatu tindakan yang dilihat Rusia sebagai meletakkan Rusia di ‘tangga kedua’ dalam susunan kekuatan dalam NATO. Rusia mahu bersama-sama AS di dalam NATO untuk membentuk Greater West sebaliknya NATO hanya menawarkan keanggotaan secara subaltern, iaitu negara anggota biasa dan bukan peneraju bersama, sebagaimana AS. Rusia menolak tawaran ini (Sakwa 2015, 47).

Ukraine juga berada dalam situasi yang sama dengan Rusia pada awal penubuhannya, pasca kejatuhan KS, yakni berada dalam keadaan ekonomi yang tidak stabil. Ukraine telah menerima kemerdekaan melalui referendum yang diadakan pada 1 Disember 1991. Kemerdekaan Ukraine ini tidak pernah diterima Rusia, rentetan kedudukan geografi Ukraine yang berada di sempadan bahagian barat Rusia itu mempunyai elemen geopolitik yang bernilai tinggi, apabila semua saluran paip gas yang dihasilkan di Rusia perlu merentasi Ukraine untuk sampai ke Eropah. Selain itu, faktor identiti, budaya dan sejarah panjang antara kedua-dua negara ini juga menjadi asas penting untuk Rusia mengekalkan pengaruhnya melalui pengukuhan hubungan dengan oligarki Ukraine (Rodrigues dan Pereira 2020, 201).

Selepas bebas daripada KS, Ukraine menjalankan pentadbiran berasingan. Keadaan ini meletakkan dasar Rusia berada dalam keadaan dilema yang kritikal. Hal ini kerana Rusia perlu segera mencipta pendekatan dan dasar luar negara yang baharu, bersesuaian dengan situasi dan kepentingan Rusia yang perlu berurusan dengan situasi geopolitik baharu, khususnya kemunculan negara-negara baharu di sekitarnya, yakni negara pecahan bekas naungan KS (Hudson 1994, 236). Dalam pada itu, Rusia juga perlu bertindak untuk menjaga kestabilan hubungan dengan negara-negara Barat. Dalam keadaan mencari identiti baharu di arena antarabangsa pasca perpecahan Soviet, Rusia dan negara-negara sekitarnya termasuk Ukraine perlu jelas dalam menentukan kiblat dasar luarnya, sama ada kekal dalam kelompok dasar lama peninggalan Soviet atau

menuju ke Barat (turut diperbahaskan arah Barat itu sama ada Eropah Barat atau Amerika Syarikat). Dalam keadaan tidak stabil itu, berlakulah beberapa insiden antara Rusia dan Ukraine yang berawal dengan konflik pertikaian wilayah, melibatkan tiga wilayah utama iaitu Crimea, Donetsk dan Luhansk (Donbas) yang merupakan wilayah pro-Rusia di Ukraine. Pergeseran ini tidak terlalu menjelaskan hubungan antara kedua-dua negara dan dilihat masih dalam keadaan terkawal.

Sejak perpecahan KS, pengaruh NATO sudah semakin meresap ke dalam negara-negara pecahan Soviet yang telah merdeka, apabila satu-persatu negara-negara berkenaan menyertai NATO. Tindakan NATO yang mengalu-alukan rancangan penyertaan Ukraine itu menyebabkan Rusia berasa tidak senang dan menganggap ini sebagai mencabar kedaulatan pengaruhnya di rantau Eropah Timur sekaligus mampu mengancam keselamatan negaranya, apabila kelak aset strategik NATO akan mara ke sempadan Rusia, setelah Ukraine rasmi menganggotai NATO (Lazarević 2009, 30). Insiden-insiden yang berlaku, bertitik tolak daripada keinginan Ukraine menyertai NATO pada tahun 2008 dan perubahan dasar Ukraine kepada pro Barat melalui Euromaidan, sehingga menatijahkan berlakunya pengambilalihan Crimea oleh Rusia pada tahun 2014 dan juga konflik bersenjata di Donbas yang tidak berkesudahan telah meningkatkan suhu krisis dalam konflik Rusia-Ukraine. Kemuncak kepada krisis ini apabila Rusia melancarkan serangan preemptive ke atas Ukraine pada tahun 2022.

Persoalannya adalah apakah pencetus kepada perang yang berlaku antara Rusia dan Ukraine? Kajian ini penting untuk diulas dan dibahaskan memandangkan perang antara kedua-dua negara masih lagi berlangsung sehingga ke hari ini, Disember 2023. Berdasarkan hal tersebut, kajian ini akan menghuraikan perkembangan konflik yang berlaku antara Rusia dan Ukraine. Kajian ini juga akan mengenalpasti faktor pencetus konflik diantara kedua-dua negara tersebut.

### **Kajian Literatur**

Kajian literatur dalam artikel ini akan menyorot dua tema, iaitu hubungan Rusia dan Ukraine dan kepentingan geopolitik dan pengaruh Rusia di Eropah Timur.

#### ***Hubungan Rusia dan Ukraine***

Dobos (2023) menjelaskan, konflik Rusia-Ukraine yang berlanjutan sejak tahun 2014, dianalisis melalui perspektif sistemik dengan mengambilkira faktor-faktor geopolitik utama telah mempengaruhi pengembangan konflik. Ini tidak bermaksud tidak ada perspektif lain yang bersangkutan seperti sifat peribadi mahupun kebergantungan ekonomi. Namun, kekuatan sistemik merupakan satu pembolehubah yang mempengaruhi konflik. Terdapat tiga pengaturan geopolitik dalam organisasi politik dalaman, iaitu anarki (pra moden), hierarki (moden) dan jaringan (pasca moden) yang dapat dilihat dalam perilaku luaran negara pelaku yang berada di dalamnya. Pandangan global ini kemudian digabungkan dengan pelbagai jenis imperialism yang muncul dalam dunia moden dan pasca moden, sebagaimana yang terjadi ke atas Ukraine yang berada di antara dua kekuatan imperial yang secara kualitatif berbeza antara Barat dan Rusia.

Götz dan Staun (2022, 485) mengenalpasti dua aliran utama dalam budaya strategi Rusia. Pertama, terdapat perasaan kerentenan yang mendalam berkaitan hubungannya dengan Barat. Bagi menangkis ancaman yang dirasakan ini, Rusia sering menekankan pentingnya memiliki kekuatan strategik dan zon penampang. Aliran kedua adalah berkaitan dengan perasaan memiliki hak disebabkan status dan kekuatan yang dimiliki.

Komponen utama dalam visi kekuatan Rusia adalah hak untuk memiliki bidang 'kepentingan istimewa' di wilayah Eurasia. Kedua-dua aliran ini diperoleh melalui analisis dokumen-dokumen strategi, kenyataan pegawai-pegawai tinggi Kremlin dan kajian ilmiah yang kaya dengan budaya strategi Rusia. Berdasarkan hal itu, kedua-dua sarjana ini berpendapat, dari sudut keselamatan nasional Rusia melihat perubahan doktrin Ukraine kepada Barat merupakan satu ancaman yang besar terhadap kepentingan Rusia yang juga berstatus kuasa besar. Hal ini memberi ruang kepada Putin untuk membuat keputusan mengaktifkan serangan ke atas Ukraine.

Kuzio dan D'Anieri (2018, 76) menjelaskan bahawa, masyarakat di Ukraine lebih dominan bersifat patriotisme sivik berbanding nasionalisme etnik kerana kepelbagaiannya serantau dan linguistik di negaranya. Tinjauan mendapati sebanyak tiga perempat daripada rakyat Ukraine memandang negatif terhadap pemimpin Rusia tetapi tidak kepada rakyatnya, iaitu andaian sekiranya rakyat Ukraine lebih cenderung bersifat nasionalisme etnik. Ketidakseimbangan terhadap tanggapan nasionalisme dalam diri rakyat kedua-dua negara ini berkemungkinan disebabkan oleh dua faktor. Pertama, di Rusia banyak tawaran biasiswa diberikan kepada rakyatnya selain memiliki ramai sarjana mahupun rakyat biasa yang arif tentang segala perkara mengenai Rusia. Justeru, semangat nasionalisme mereka terhadap Bangsa Rusia sangat menebal. Sebaliknya di Ukraine, tidak banyak tawaran biasiswa diberikan kepada rakyatnya dan tidak ramai sarjana yang arif tentang selok belok Ukraine, apatah lagi rakyat biasa. Faktor kedua pula adalah usaha dan pemupukan jatidiri rakyat Rusia yang tidak putus-putus oleh pemimpinnya menghasilkan sebuah rakyat yang tinggi nasionalismenya.

Matsaberidze (2015, 79) menghuraikan dalam kajiannya bahawa konflik Rusia ke atas Ukraine terbahagi kepada dua dimensi iaitu praktikal dan ideologi. Rusia dilihat berasa begitu terhina dengan tindakan Ukraine yang membuat keputusan untuk menyertai NATO dan mengenepikan kerjasama dengan Rusia. Dari sudut ideologi pula, Matsaberidze menggambarkan Katolik sebagai mewakili Eropah dan Ortodoks pula mewakili Rusia. Sekiranya Rusia membiarkan pengembangan kuasa Barat (Eropah) dan NATO melalui Ukraine, maka secara tidak langsung Rusia membenarkan ideologi Katolik menghakis Ortodoks yang menjadi identiti Rusia. Tindakan pencegahan dibuat Rusia dengan mempamerkan kekuatan ketenteraannya sebagai satu bentuk amaran awal kepada negara sempadannya.

Rutland (2015, 125) menjelaskan, Rusia membantah pengembangan NATO di Eropah Timur. Menurut pandangan Rusia, usaha pengembangan NATO itu seolah-olah menggambarkan Rusia sebagai musuh yang berpotensi memberi ancaman, sedangkan pemimpin Barat menegaskan bahawa tanggapan Rusia itu salah. Hujah Barat itu disokong dengan tindakan mewujudkan beberapa hubungan khusus antara NATO dan Rusia, iaitu pada tahun 1997 NATO - Russia Founding Act telah menujuhkan Permanent Joint Council dan pada tahun 2002 di Sidang Kemuncak Rom telah diwujudkan Majlis NATO-Rusia. Namun demikian, pasca insiden 11 September, Presiden George W. Bush berminat untuk meluaskan keanggotaan NATO lebih jauh ke Timur menyebabkan Rusia semakin gusar dan rasa tidak percaya kepada AS memuncak. Berhubung konflik dengan Ukraine, kedudukan ekonomi Ukraine yang lemah memerlukan negara itu bekerjasama dengan negara-negara maju di Eropah dan AS sebagai usaha menaikkan taraf ekonominya. Justeru, Ukraine bersetuju menerima pelawaan NATO untuk turut serta sebagai anggota dalam organisasi berkenaan. Hal ini tidak menggembirakan Rusia. Berada di tengah-tengah dua pihak yang berseteru menyebabkan Ukraine terhimpit dan menjadi mangsa keadaan seterusnya mewujudkan konflik berterusan antara kedua-dua buah negara.

## ***Kepentingan Geopolitik dan Pengaruh Rusia di Eropah Timur***

Choonara (Mac 29, 2022) dalam kajiannya menghujahkan bahawa Ukraine menuju kehancuran kerana dua faktor, iaitu serangan Rusia dan penglibatan NATO. Bantuan senjata oleh NATO kepada Ukraine tidak dapat menghentikan Rusia daripada menyerang Ukraine, justeru perang semakin berlarutan. Perang ini menyebabkan Ukraine menjadi negara yang dijahat, tidak hanya oleh Rusia tetapi juga NATO. Ini kerana pada hakikatnya berlaku perlumba imperialisme antara Rusia dan NATO di Ukraine. Choonara juga membahaskan hubungan Rusia-Ukraine dan impak sosial dari perang yang berlaku antara kedua-dua negara.

Kajian Webber dan Sperling (2017, 19-46), iaitu *NATO and the Ukraine Crisis: Collective Securitisation*, menyebutkan bahawa sebagai tindak balas kepada tindakan Rusia di Ukraine, NATO menggunakan pendekatan collective securitization, iaitu satu pendekatan dalam keselamatan yang menggambarkan proses keselamatan sesebuah negara. Dalam konteks ini, kedua-dua penulis melihat insiden serangan Rusia ke atas Georgia pada 2008 dimana NATO tidak terlalu mencampuri urusan insiden tersebut. Namun, ia berbeza dengan serangan Rusia ke atas Ukraine di mana negara-negara NATO menyalahkan Rusia dan secara aktif membantu Ukraine dari segi alat ketenteraan. Dua sikap NATO yang berbeza ini – yang dilatarbelakangi kepentingan yang berbeza – yang dilihat sebagai sekuritisasi secara kolektif.

Noam Chomsky (2017, 56) membuat huraihan bagaimana peraturan dunia kontemporari meletakkan institusi global memegang kuasa yang besar, bukan sahaja di arena antarabangsa bahkan juga dalam negara asal mereka, di mana mereka bergantung untuk melindungi kuasa mereka dan menyediakan sokongan ekonomi melalui pelbagai cara. Dalam menimbangkan peranan master of mankind, contoh yang boleh dilihat adalah perkongsian Trans-Pasifik iaitu salah satu perjanjian pelaburan yang sering disalahertikan sebagai “perjanjian perdagangan bebas” dalam propaganda mereka. Program kerjasama ini dirundingkan secara rahsia dengan meletakkan syarat-syarat rumit yang memerangkap peserta untuk terpaksa bersetuju dengan program ini, sekalipun sedar kesan dan akibatnya pada masa hadapan.

Berdasarkan tulisan para sarjana yang dinyatakan, didapati bahawa kebanyakan kajian mereka tidak membahaskan secara mendalam tentang faktor asas mengapa konflik antara Rusia dan Ukraine boleh berlaku, khususnya yang melibatkan faktor dalaman dan luaran dari perspektif Rusia. Justeru, artikel ini akan membincangkan faktor dalaman dan luaran pencetus konflik di antara kedua-dua negara.

### **Metodologi Penyelidikan**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif, iaitu kajian yang mengutamakan proses mengungkap, mendeskripsi serta menganalisis maklumat secara teliti dan cermat tanpa menggenepikan maklumat bersifat kuantitatif yang berbentuk angka-angka. Pendekatan kualitatif dipilih memandangkan melalui kaedah ini pengkaji dapat membuat interpretasi data melalui cara memberikan makna dan menerjemah, seterusnya menjadikan hasil interpretasi tersebut sebagai data.

Kajian kualitatif biasanya memberi tumpuan kepada isu-isu kontemporari dan bukan kajian masa lalu sebagaimana kajian sejarah. Walau bagaimanapun, pengkaji tidak menolak data-data sejarah yang akan diambilkira sebagai melengkapkan kajian ini seperti insiden-insiden pasca kejatuhan KS, konflik pertikaian sempadan Rusia – Ukraine dan perjalanan Ukraine mengubah dasar negaranya sehingga keinginannya

untuk menyertai NATO. Oleh itu, tempoh masa bagi kajian ini adalah bermula selepas kejatuhan KS sehingga 2022, iaitu peristiwa Rusia memulakan serangan ke atas Ukraine.

Dalam menjalankan pengumpulan data, kaedah yang digunakan untuk memperoleh sumber data adalah melalui data sekunder berbentuk kajian perpustakaan. Data sekunder digunakan sebagai semakan kritis pengetahuan sedia ada dalam bidang kajian untuk membolehkan prinsip kesahan dan kebolehpercayaan dalam mewujudkan sumbangan baharu (lihat juga Sule *et al.* 2022).

Pengkaji akan membuat rujukan di mana-mana perpustakaan yang mempunyai koleksi bahan rujukan yang berkualiti seperti Perpustakaan Tun Sri Lanang dan Perpustakaan Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, UKM yang menyimpan maklumat dan data yang diperlukan dalam menghasilkan kajian ini. Sumber bahan yang terlibat seperti buku, jurnal, tesis, akhbar dan pelbagai sumber penulisan lain yang berhubung kait dengan kajian konflik Rusia-Ukraine. Terdapat dua kelebihan yang dikenalpasti pengkaji apabila menggunakan kaedah kajian perpustakaan dalam kajian ini. Pertama, bilangan sumber rujukan yang besar dan mudah dicapai dan kedua, data sekunder itu dikutip oleh ahli yang berkepakaran dan profesional dalam bidang masing-masing. Oleh yang demikian, data sekunder yang digunakan diyakini daripada sumber yang berautoriti dan berkredibiliti selain membantu menyempurnakan data primer yang kurang lengkap.

Pengkaji juga akan memanfaatkan kemudahan mengakses maklumat secara pantas menerusi kaedah secara atas talian seperti e-book, saluran youtube atau melalui laman sesawang untuk mengakses artikel dan laporan. Oleh yang demikian, melalui kaedah ini pengkaji akan memastikan prinsip kredibiliti dan autoriti diutamakan dalam mendapatkan data-data kajian.

### **Perkembangan Konflik**

Sejak kejatuhan KS pada tahun 1991, geopolitik Eropah Timur tidak pernah sunyi daripada sebarang konflik, pertembungan ketenteraan dan tuntutan wilayah antara negara-negara bekas KS. Pemberontakan wilayah di Rusia dengan puak pemisah Chechnya dan pergolakan Rusia dengan Georgia pada tahun 2008 adalah antara konflik yang berlaku di rantau ini. Konflik Rusia-Ukraine adalah konflik ketenteraan terbaru yang terjadi pada tahun 2022. Konflik ini cukup hangat dan mendapat liputan meluas daripada media antarabangsa kerana ia melibatkan kuasa-kuasa besar dunia seperti negara-negara ahli NATO. Penglibatan mereka merancakkan lagi pertembungan antara Rusia dengan Ukraine ke arah ketidakpastian bilakah perang ini akan tamat. Bantuan kewangan, alat ketenteraan berteknologi canggih dan sokongan di peringkat pertubuhan antarabangsa yang diberikan NATO dan KE (Kesatuan Eropah) kepada Ukraine dilihat meruncingkan lagi situasi konflik ini.

### **Revolusi Euromaidan**

Pada 21 November 2013 telah berlaku satu protes jalanan oleh rakyat Ukraine yang dikenali sebagai Euromaidan. Protes ini dibuat sebagai reaksi kepada Presiden Viktor Yanukovych yang telah menggantung keputusan untuk menandatangani perjanjian perdagangan dengan KE yang dikenali sebagai 'Kerjasama Timur'. Proses rundingan perjanjian ini telah bermula sejak tahun 2012 lagi yang bertujuan supaya halangan perdagangan dapat dikurangkan. Melalui perjanjian ini, dijangkakan ekonomi Ukraine akan berkembang lebih baik dan kedudukan institusi politik Ukraine juga meningkat sebagaimana negara-negara KE yang lain.

Selama ini, ekonomi dan pentadbiran Ukraine dikawal oleh satu kelompok elit dan bersifat kronisme. Semua keputusan yang dibuat lazimnya bersifat peribadi dan mengambil kira kepentingan kelompok mereka sahaja. Amalan rasuah juga berleluasa sehingga urusan penguatkuasaan undang-undang dan juga kehakiman berjalan tidak telus. Media massa pula dieksplotasi untuk menaikkan imej ahli politik tertentu demi kelangsungan politik mereka (Puri 2022, 16). Rakyat Ukraine melihat perjanjian perdagangan ini sebagai platform untuk merubah sistem ekonomi dan pentadbiran Ukraine ke arah yang lebih baik. Berdasarkan pungutan suara yang dibuat, 50 peratus daripada rakyat Ukraine setuju sekiranya Ukraine bekerjasama dengan Eropah (Pifer Mac 4, 2015).

Walaupun Ukraine menyasarkan kerjasama ekonomi dengan Eropah, namun ia tetap mahu meneruskan kerjasamanya dengan Rusia. Bukti, pada 31 Mei 2013, Yanukovych telah menghantar Perdana Menteri, Mykola Azarov untuk menandatangani perjanjian sebagai pemerhati di Kesatuan Eurasian. Rusia berharap Ukraine menyertai Eurasian sebagai ahli penuh. Namun, Yanukovych masih mahu mengelakkan pendirian hedging kerana beliau melihat kedua-dua pihak ini – KE dan Kesatuan Eurasian adalah sama penting untuk ekonomi negara (Puri 2022, 24). Rusia telah menawarkan lebih banyak diskon ke atas harga minyak, selain kelonggaran tarif ke atas beberapa barang import Ukraine dalam usaha menggagalkan cadangan kerjasama Ukraine dengan Eropah.

Namun, Ukraine membuat keputusan untuk menolak tawaran Rusia. Maka, berkuatkuasa pada bulan Julai 2013, Kremlin telah mengenakan sekatan perdagangan ke atas Ukraine dengan memotong import produk makanan daripada Rusia, diikuti dengan penetapan beberapa prosedur baru perdagangan. Sekatan itu adalah mesej amaran kepada Yanukovych supaya tidak meneruskan perjanjian. Hal ini telah membawa Yanukovych bersempua dengan Putin. Rusia telah membuat tawaran yang lebih baik apabila bersetuju untuk membeli Eurobond Ukraine dengan nilai sebanyak USD15 bilion dan mengurangkan harga gas sebanyak USD130 bagi seribu kubik meter (Puri 2022, 29).

Akhirnya, Yanukovych menerima tawaran Kremlin, sekaligus membuat keputusan untuk tidak meneruskan proses perjanjian dengan KE. Rakyat Ukraine marah kerana Yanukovych telah tunduk kepada tekanan Rusia (Pifer Mac 4, 2015). Kesan daripada keputusan ini menyebabkan gelombang kebangkitan rakyat berlaku di Kiev yang dikenali sebagai Revolusi Euromaidan. Protes yang pada awalnya berkisar tentang perjanjian perdagangan yang tidak diteruskan, telah merebak kepada isu rasuah, nepotisme dan pelbagai penyalahgunaan kuasa di bawah rejim pemerintah Yanukovych (Sakwa 2015, 34). Rakyat mendesak Yanukovych supaya turun daripada jawatannya sebagai Presiden. Berasa terancam dengan insiden ini, Yanukovych lalu mengambil keputusan melarikan diri ke Rusia pada 22 Februari 2014.

Revolusi Euromaidan telah memaksa berlakunya coup d'etat'. Rakyat telah berjaya menjatuhkan kerajaan despotisme Ukraine yang dianggap telah menyekat wawasan kemajuan Ukraine (Puri 2022, 23). Rusia yang tidak berpuas hati kerana Yanukovych dijatuhkan telah menuju AS yang mendalangi rampasan kuasa ini (*Al-Jazeera* Mac 3, 2022). Tuduhan ini didasari oleh kebocoran satu panggilan telefon antara Victoria Nuland, iaitu Penolong Setiausaha Hubungan Eropah dan Eurasian, AS dengan Geoffrey Pyatt, iaitu Duta AS berkaitan cadangan pengganti Yanukovych (Sakwa 2015). Kremlin bertindak balas ke atas insiden protes jalanan tersebut dengan segera mengatur gerak pengambilalihan wilayah Crimea daripada Ukraine.

## Pengambilalihan Wilayah Crimea

Crimea merupakan sebuah wilayah yang menjadi pertikaian antara kedua-dua negara, Rusia dan Ukraine. Di wilayah ini, sentimen pro-Rusia masih menebal dan ia berpotensi mengakibatkan konflik pemisah. Terletak di Laut Hitam, Crimea mempunyai penduduk seramai 2.3 juta orang yang majoritinya terdiri daripada etnik Rusia dan berbahasa Rusia (BBC Mac 11, 2014). Pada asalnya, Crimea berada di bawah kekuasaan Rusia, namun pada tahun 1954 Nikita Khrushchev, iaitu seorang pemimpin Parti Komunis KS telah memutuskan supaya wilayah Crimea diletakkan di bawah kekuasaan Ukraine, demi menjaga kepentingan KS pada masa itu (Kappeler 2014, 303). Pertikaian mengenai wilayah kedaulatan Crimea ini mula hangat diperkatakan selepas tahun 1991, apabila persempadanan negara-negara bekas KS dibuat dengan mengekalkan kedudukan Crimea di bawah kekuasaan Ukraine. Secara teknikalnya, apabila Ukraine mendeklarasikan kemerdekaannya, Crimea harus dikembalikan kepada Rusia.

Di Sevastopol, ibu kota Crimea terdapat pangkalan tentera laut Black Sea Fleet yang mana isu kepemilikan dan geran akses ke pangkalan tersebut selalu menjadi isu utama dalam rundingan kedua-dua negara selepas kemerdekaan Ukraine (Puri 2022). Akhirnya pada tahun 1997, kedua-dua negara bersetuju menandatangani perjanjian dengan Ukraine menyerahkan pangkalan tentera laut itu kepada Rusia dengan pajakan diperbaharui selama 20 tahun (Puri 2022, 75). Pada tahun 2010 telah berlaku pertikaian politik antara Rusia dan Ukraine, menyebabkan pajakan tersebut dilanjutkan sehingga tahun 2042 (Kappeler 2014). Presiden Ukraine pada masa itu, Viktor Yushchenko (2005-2010) bersetuju menandatangani perjanjian pajakan baharu dengan imbalan pemberian diskau oleh Rusia ke atas bekalan gas asli yang diimport Ukraine (Katchanovski Mac 24, 2015).

Kerisauan terbesar Rusia dalam hal Crimea ini adalah minat Ukraine untuk menjalinkan hubungan lebih dekat dengan Barat. Peluasan Wider Europe juga, menurut perspektif Rusia memberi ruang yang luas untuk Ukraine mengakses NATO (Sakwa 2015, 43). Rusia bimbang fasiliti di Crimea dimanfaatkan oleh Ukraine dan NATO untuk mengancam keselamatan Rusia. Pada 28 Februari 2014, lapangan terbang Simferopol telah dikawal oleh pasukan berpakaian seragam tentera yang tidak dikenalpasti identiti mereka. Pasukan tersebut hanya mengakui mereka adalah sukarelawan tempatan. Banyak pihak menjangkakan pasukan itu adalah ancaman kepada Rusia, sebaliknya diketahui kemudiannya bahawa mereka adalah pasukan khas Rusia yang terlatih dan dibekalkan kemahiran teknologi terkini dalam rangka menakluki Crimea tanpa berlakunya sebarang pertumpahan darah (Sakwa 2015, 48). Tindakan preemptive Rusia ini mencerminkan operasi yang teratur telah dirancang Rusia. Namun demikian, Moscow menafikan pasukan tentera tersebut adalah dari Rusia (Sakwa 2015, 50).

Secara umumnya, perjanjian pajakan pangkalan tentera laut di Sevastopol membenarkan Rusia meletakkan kekuatan strategiknya seramai 25,000 anggota di Crimea (Sakwa 2015, 76). Menurut perspektif Rusia, negara itu secara teknikalnya tidak melanggar perjanjian pajakan tersebut, walaupun sebenarnya operasi mereka telah melampaui kawasan yang dipajak. Pada 16 Mac 2014, referendum dijalankan dengan berkeputusan sebanyak 96.7 peratus suara rakyat Crimea menyokong penyatuhan semula Crimea dengan Rusia. Keputusan ini tidak mengejutkan namun perjalanan referendum tersebut menimbulkan kontroversi. Ini kerana referendum dijalankan tanpa kehadiran pemerhati bebas antarabangsa, selain dianggap tidak sah kerana melanggar kedaulatan

dan integriti wilayah Ukraine serta undang-undang antarabangsa. Rusia didakwa mengatur perubahan wilayah secara paksa.

Selaras keputusan referendum memihak kepada Rusia, pada 18 Mac 2014, Presiden Putin bersama-sama beberapa pemimpin tertinggi Rusia telah bertemu Sergei Aksyonov, iaitu seorang pemimpin Crimea bersama wakil-wakil bahagian wilayah Crimea untuk menandatangani perjanjian penyatuan semula Crimea ke dalam Persekutuan Rusia (*Brookings* Mac 17, 2020). Tiga hari kemudian Putin mengumumkan secara rasmi status Crimea yang kini telah bersatu semula dengan Rusia. Sergei kemudian telah diangkat oleh Putin sebagai Ketua Republik Crimea.

### **Pergolakan di Timur Ukraine: Donbas**

Revolusi Euromaidan 2014 yang dimulakan oleh rakyat Ukraine tidak selesai setakat di Kiev sahaja. Suasana revolusi ini turut memercikkan api kebangkitan kepada seluruh Ukraine termasuklah di wilayah Timur atau lebih tepat Donbas. Dua kawasan utama di Donbas, iaitu Donetsk dan Luhansk, merupakan kawasan kubu kuat etnik Rusia di Ukraine. Rusia berhasil memprovokasi kebangkitan rakyat di Donbas ini sebagai respons kontra terhadap protes rakyat di Kiev yang berjaya menjatuhkan pentadbiran Yanukovich. Kedudukan Donetsk dan Luhansk yang bersempadan dengan Rusia sepanjang 920 km, yang mana hanya sepanjang 410 km sahaja di bawah kawalan pentadbiran Ukraine (Fischer 2019). Oleh itu, Donbas merupakan wilayah penting bagi Rusia selepas Crimea.

Rasa tidak puas hati warga Donbas terhadap perubahan politik Ukraine menyebabkan puak pemisah pro Rusia ini cuba mengikut jejak langkah Crimea untuk keluar daripada Ukraine. Puak pemisah membuat deklarasi penubuhan Republik Rakyat Donetsk (RRD) dan Republik Rakyat Luhansk (RRL) pada bulan April 2014 dan disusuli dengan referendum yang diadakan di kedua-dua kawasan pada 11 Mei 2014 (Fischer 2019). Hari berikutnya, puak pemisah mengisyiharkan RRD sebagai sebuah negara merdeka. Majlis Tertinggi RRD kemudian melantik Alexander Borodai, iaitu seorang rakyat Rusia sebagai Perdana Menteri. Kemudian diikuti oleh Igor Girkin yang mengisyiharkan dirinya sebagai Komander Tertinggi RRD (D'Anieri 2023, 23).

Menurut Al Jazeera (March 3, 2022) beribu-ribu rakyat Rusia menyusup masuk ke wilayah Ukraine itu untuk turut sama berjuang selain membekalkan keperluan puak pemisah di sana. Kerajaan Rusia juga dikatakan memperuntukkan sejumlah besar bantuan kewangan kepada mereka, namun dinafikan Putin. Ukraine juga tidak mempunyai bukti yang jelas untuk menegakkan dakwaan berkenaan, sekalipun yakin Rusia adalah dalang dalam kemelut domestik Ukraine. Rusia bijak dalam mengaburi mata Ukraine apabila terlibat sama dalam Kerjasama Keselamatan Eropah (KKE) yang memantau keadaan di Donbas. Dengan cara ini, peranan sebenar Rusia terselindung di sebalik kerjasamanya yang memperlihatkan usaha yang selari dengan kerajaan Ukraine, iaitu membantu meredakan ketegangan di Donbas (Puri 2022).

Berhubung dengan pelantikan Borodai dan Girkin sebagai Perdana Menteri dan Komander Tertinggi RRD, Putin menegaskan keputusan itu adalah tindakan peribadi kedua-dua individu itu sendiri dan tiada keterlibatan Rusia di sana (D'Anieri 2023, 45). Walau bagaimana pun, referendum dan pengisyiharan kemerdekaan bagi kedua-dua wilayah itu juga tidak diperakui oleh institusi antarabangsa (Puri 2022). Kerajaan interim Ukraine di bawah pimpinan Poroshenko telah melancarkan kempen anti pengganas. Wilayah Donbas telah berubah menjadi zon perang dengan bertambahnya peralatan perang dan senjata-senjata berat. Situasi ini menyebabkan satu rundingan keamanan

dijalankan oleh pihak antarabangsa bagi membendung pergolakan ini daripada berluasa (Fischer 2019).

### **Operasi Khas Ketenteraan Rusia Terhadap Ukraine 2022**

24 Februari 2022 adalah kemuncak konflik, apabila Rusia melancarkan serangan skala penuh ke atas Ukraine yang dikenali sebagai operasi khas ketenteraan. Serangan dimulakan dari arah timur Ukraine dengan kapal-kapal perang Rusia di Laut Hitam mengarahkan tentera Ukraine yang ditempatkan di pos strategik supaya berundur. Tentera Ukraine tidak beranjak, bahkan menunjukkan tentangan (CNN Februari 23, 2023). Meskipun begitu, jutaan rakyatnya terpaksa berpindah ke negara lain akibat krisis kemanusiaan dan politik (Ratten 2023). Zelensky secara rasmi memutuskan hubungan diplomatik dengan Rusia, sekaligus mengaktifkan undang-undang ketenteraan bagi pertahanan Ukraine (Fitzgerald dan Davis Jr. Julai 5, 2023).

Pada hari serangan, Zelensky menyampaikan pidatonya kepada Rusia dengan menyatakan Ukraine tidak ingin berperang. Zelensky juga menegaskan bahawa Ukraine tidak pernah menjadi ancaman kepada Rusia, sama ada pada masa lalu, sekarang, maupun akan datang. Mereka hanya ingin mencari perdamaian dan jaminan keselamatan rakyat Ukraine daripada ancaman Rusia, sebagaimana Rusia menuntut jaminan keamanan daripada NATO. Mereka bersedia menerima sebarang perbincangan. Namun, sekiranya mereka diserang, Ukraine akan mengambil tindakan mempertahankan diri (Reuters Februari 23, 2022).

Pada 11 September 2022, Putin mengarahkan pasukan Rusia berundur setelah berbulan-bulan berada dalam situasi perang. Pengunduran ini disebabkan oleh tentangan yang diberikan Ukraine telah menyebabkan Rusia kehilangan wilayah tawanan seluas lebih 1000km persegi (Fitzgerald dan Davis Jr. Julai 5, 2023), selain berjaya menghalang Rusia daripada menawan wilayah baharu (Bloomberg September 13, 2022). Kemampuan Ukraine ini telah menyebabkan Rusia membuat serangan balas selepas itu dengan menjadikan infrastruktur Ukraine sebagai sasaran, menyebabkan bekalan air dan elektrik Ukraine terputus (Fitzgerald dan Davis Jr. Julai 5, 2023). Dalam tempoh seminggu, 30 peratus daripada stesen janakuasa elektrik Ukraine musnah akibat serangan tersebut (CNN Februari 23, 2023).

Pada September 2022, Putin secara rasminya mengumumkan Rusia telah berjaya mengambil alih empat wilayah daripada Ukraine, iaitu Donetsk, Luhansk, Kherson dan Zaporizhzhia yang merangkumi sebanyak 15 peratus daripada kedaulatan Ukraine (*Al Jazeera* Mac 3, 2022). Kremlin juga sudah mengatur referendum bagi keempat- empat wilayah ini (Fitzgerald dan Davis Jr. Julai 5, 2023). Kremlin mengumumkan hasil referendum yang dijalankan, bahawa lebih 80 peratus penduduk di Kherson dan Zaporizhzhia bersetuju dengan penyatuannya dengan Rusia dan lebih 90 peratus bagi Donetsk dan Luhansk (Seddon, Foy dan Ivanova September 21, 2022). Setiausaha Negara AS, Anthony Blinken menyelar tindakan Rusia mengatur referendum ini dan menganggap Rusia sebagai merampas hak kedaulatan Ukraine, selain melanggar undang-undang antarabangsa (Mohamed dan Pietromarchi September, 29, 2022).

Sehingga artikel ini selesai ditulis (Disember 2023), perang antara kedua-dua negara masih lagi berlangsung. Tiada siapa yang mengakhiri situasi ini dan menjadi juara perang. Ukraine masih lagi mencari sokongan PBB dan negara-negara NATO, manakala

Rusia selalu menggunakan haknya untuk memveto setiap keputusan resolusi yang dikeluarkan PBB ke atasnya.

### Faktor Luaran Pencetus Konflik

Konflik Rusia-Ukraine walaupun dilihat sebagai satu konflik dalam rantau, namun ia tidak terlepas daripada keterlibatan faktor luar seperti geopolitik dan geoekonomi. Keterlibatan ini wujud disebabkan oleh kepentingan pihak-pihak yang terlibat. Rusia misalnya, melihat sebahagian faktor ini sebagai ancaman yang boleh menggugat kepentingan nasionalnya, justeru ia harus ditangani segera dengan pendekatan yang dikehendaki Rusia. Sebahagian lagi digunakan Rusia untuk mempertahankan kepentingan sedia ada.

#### *Amerika Syarikat*

Meskipun AS menjadi pemenang dalam Perang Dingin dan menjadikan statusnya sebagai hegemoni global, namun Rusia berusaha untuk menjadi pesaing utama AS dalam sistem antarabangsa bagi mengantikan posisi KS. Menurut Choonara (Mac 29, 2022), walaupun ekonominya runtuh akibat kehancuran KS, Rusia kekal sebagai kuasa imperialis. Beliau menyimpulkan bahawa apa yang berlaku di Ukraine sekarang adalah semata-mata perlumbaan imperialisme antara Rusia dan NATO. Konflik Rusia-Ukraine bukan sahaja telah menjelaskan sistem antarabangsa, order dunia, dan geopolitik global, tetapi juga memberi kesan yang mendalam terhadap penstrukturuan semula blok politik. Ini kerana konflik tersebut melampaui keganasan politik antara Rusia dan Ukraine yang melibatkan “permainan” yang kompleks antara Rusia, AS, dan Eropah. Secara khususnya, ketika AS berusaha untuk mengukuh, menyesuaikan, dan menstruktur semula sistem sekutu globalnya melalui konflik Rusia-Ukraine, ia juga menjadikan konflik itu sebagai platform untuk mengukuh dan mengekalkan hegemoni AS (Liu dan Meng 2023, 102).

AS melalui NATO berusaha untuk memperluaskan pengaruh dan kuasanya ke rantau Eropah Timur. Ia sekaligus dilihat untuk cuba menghalang kuasa dan pengaruh Rusia di rantau berkenaan. Kini Rusia berusaha untuk menjaga keamanan sempadannya, menghalang kawasan lain berpisah daripada Rusia, dan memulihkan pengaruhnya di negara yang bersempadan dengannya. Pengaruh dan kuasa AS menerusi NATO dilihat semakin menghampiri sempadan Rusia, terutamanya apabila Ukraine berjaya menjadi ahli pertubuhan ketenteraan terbesar dunia itu. Kesan daripada perluasan pengaruh dan kuasa ini membuatkan Rusia berasa terancam. Sebagai negara pecahan terbesar KS, Rusia pastinya melihat AS sebagai pesaing utama dalam hal kekuatan dan pengaruh. Sekatan yang dikenakan AS ke atas Rusia akibat konflik di Ukraine dan bantuan ketenteraan AS kepada Ukraine seakan mencabar wibawa Rusia sebagai sebuah negara yang berpengaruh.

Pada bulan Januari 2023 yang lalu, AS telah memberikan bantuan alat ketenteraan kepada Ukraine sebesar AS\$3.5 bilion (RM15.1 bilion). Sebelum itu, AS menyatakan komitmen keseluruhan kira-kira AS\$24 bilion (RM103 bilion) bagi membantu Ukraine bertahan daripada serangan Rusia (*Berita Harian* Januari 18, 2023). Bantuan AS ini dan integrasi negara bekas pecahan KS yang lain ke dalam NATO dan KE mengundang keimbangan kepada Rusia. Ia bukan sahaja boleh menyebabkan pengaruh dan kuasa Rusia luntur, malah Rusia berpotensi kalah dalam persaingan geopolitik dengan AS, khususnya di rantau Eropah Timur.

#### **Kesatuan Eropah**

Hubungan antara Rusia dan KE adalah rumit dan sering tegang sejak kejatuhan KS pada 1991. Kedua-dua pihak telah bekerjasama dalam beberapa isu, termasuk perdagangan, tenaga dan keselamatan. Walau bagaimanapun, mereka juga telah berselisih mengenai beberapa isu, termasuk status Ukraine, perluasan NATO, dan hak asasi manusia. Sebelum Rusia menyerang Georgia pada 2008, nilai perdagangan antara Rusia- KE berkembang dengan pesat dan mantap. Rusia menduduki tempat ketiga terbesar sebagai rakan dagang KE (mewakili 8.4% daripada jumlah perdagangan). Sementara KE ialah rakan dagang terbesar Rusia (mewakili 48% daripada jumlah perdagangan asing di Rusia). KE juga merupakan pelabur asing yang paling penting di Rusia, iaitu sehingga 75% daripada pelaburan langsung asing. Eksport utama KE ke Rusia ialah jentera, peralatan pengangkutan (kereta), bahan kimia, ubat-ubatan, elektronik dan produk pertanian. Manakala Eksport Rusia ke KE didominasi oleh bahan api mineral, iaitu sehingga 74.9% (Hussein, Julai 15, 2023).

Walau bagaimanapun, hubungan kedua-duanya mula agak renggang disebabkan dasar Rusia ke atas KE itu sendiri. Rusia, misalnya, masih mahukan penglibatannya dalam pelbagai forum yang membincangkan pembangunan dasar pertahanan KE, terutama yang membincangkan persekitaran keselamatan di negara-negara bekas KS, seperti Poland, Bulgaria, Moldova dan Ukraine. Sementara, KE menolak penglibatan penuh Rusia dalam pelbagai dasar pertahanan KE, seperti mana yang dicadangkan Rusia untuk membentuk Majlis KE-Rusia (Gotz dan Staun 2022, 492). Kerenggangan hubungan ini juga disebabkan hasrat Ukraine untuk bergabung menjadi ahli KE dan NATO. Isu ini dilihat oleh Rusia sebagai usaha KE dan NATO untuk meluaskan pengaruh dan kuasanya di rantau Eropah Timur.

Berikut itu, pada Ogos 1999 Rusia secara rasmi memaklumkan KE mengenai jangkaan dan kebimbangan Rusia berkaitan dengan perluasan KE yang dilihat bergerak lebih dekat ke sempadan Rusia. Moscow menegaskan bahawa perluasan KE ke rantaui ini boleh menjelaskan atmosfera kerjasama ekonomi kedua-dua belah pihak. Hubungan antara Rusia dan KE mencapai tahap yang rendah pada 2014, berikutan pengambilalihan Crimea oleh Rusia dan meletusnya perang di timur Ukraine. Hubungan tersebut semakin tegang dan panas apabila Rusia melancarkan serangan ke atas Ukraine pada 24 Februari 2022. KE kemudian mengenakan beberapa sekatan ke atas Rusia sebagai tindak balas kepada peristiwa ini, dan hubungan antara kedua-dua pihak kekal tegang sejak itu.

### ***Dasar Perluasan NATO***

Semasa Perang Dingin, NATO memberi tumpuan kepada pertahanan kolektif dan perlindungan ahlinya daripada potensi ancaman yang berpunca daripada KS. Dengan perpecahan KS dan kebangkitan aktor bukan negara yang menjelaskan keselamatan antarabangsa, banyak ancaman keselamatan baru telah muncul, seperti keganasan. Walaubagaimanapun, tindakan agresif Rusia terhadap Ukraine semenjak tahun 2014 dan serangan Rusia ke atas negara itu pada bulan Februari 2022 telah mengubah persekitaran keselamatan secara radikal (NATO Mac 24, 2022). Oleh itu, tindakan agresif NATO membantu Ukraine adalah disebabkan respons ke atas serangan Rusia terhadap Ukraine.

Selain itu, perlu dirujuk juga dasar perluasan NATO bagi memahami tujuan kehadiran NATO di Ukraine. Dasar perluasan ini seperti mana yang termaktub dalam Artikel 10 NATO, iaitu:

The Parties may, by unanimous agreement, invite any other European State in position to further the principles of this Treaty and to contribute to the security of the North Atlantic area to accede to this Treaty. Any State so invited may become a Party to the

Treaty by depositing its instrument of accession with the Government of the United States of America. The Government of the United States of America will inform each of the Parties of the deposit of each such instrument of accession, (NATO 2023).

Dasar peluasan ini secara khusus menyebutkan negara Eropah boleh menjadi ahli. Seperti yang dimaklumi bahawa secara geografi, Rusia pun terletak di benua Eropah. Ini menunjukkan bahawa dasar perluasan ini bertujuan untuk menghalang pengaruh dan kuasa Rusia khususnya di Eropah. Choonara (Mac 29, 2022) menyimpulkan bahawa apa yang berlaku di Ukraine sekarang adalah semata-mata perlumbaan imperialisme antara Rusia dan NATO. AS melalui NATO berusaha untuk memperluaskan pengaruh dan kuasanya ke rantau Eropah Timur. Ia sekaligus untuk cuba menghalang kuasa dan pengaruh Rusia di rantau berkenaan. Bila dilihat kemasukan Finland sebagai ahli yang terbaru pada tahun 2023 dimana secara geografinya kedudukan Finland adalah bersempadan secara langsung dengan Rusia, maka tujuan sebenarnya lebih kepada menggandakan sempadan NATO dengan Rusia dan ia sekaligus merupakan tamparan kepada Presiden Putin yang satu ketika pernah berikrar untuk menghalang kemaraan NATO ke arah timur.

Kegagalan Ukraine untuk menjadi sebahagian daripada NATO buat masa ini, mendorong NATO memujuk Finland untuk bergabung dengan pertubuhan tersebut. Penyertaan Finland memperluas keupayaan NATO di sempadan Rusia, terutamanya di Laut Baltik, sepanjang sempadan darat Finland-Rusia yang membentang sejauh 800 batu dan di Lingkaran Arktik, dimana fasiliti penyimpanan kepala nuklear Rusia ditempatkan. Finland dapat memberi sumbangan dan sumber yang besar, sama ada dalam bentuk kewangan maupun material ketenteraan. Keupayaan ini membolehkan NATO untuk menggerakkan tentera dan sumber dengan pantas. Ini juga akan meningkatkan kedudukan negara-negara NATO lain di Laut Baltik iaitu Estonia, Latvia, dan Lithuania untuk menghalang pengaruh Rusia daripada meluas ke negara-negara Eropah umumnya dan Eropah bahagian timur khususnya.

Peluasan NATO dapat difahami sebagai usaha untuk memperluas kuasa Barat, khususnya AS dan pada masa yang sama untuk meminimumkan kuasa dan pengaruh Rusia. Tindakan perluasan NATO ini diperlukan untuk menghalang serangan Rusia ke atas negara-negara bekas KS. Negara pecahan bekas KS tiada pilihan melainkan bergabung dengan NATO dan mereka akan menjadi lebih selamat dan dilindungi daripada ancaman Rusia. Dasar peluasan NATO ini dilihat dapat memperburuk hubungan dengan Rusia dan meningkatkan ketegangan antara kedua belah pihak.

### *Geokonomi: Minyak dan Gas*

Dari sudut ekonomi, Rusia merupakan antara negara pengeluar dan pengeksport minyak dan gas terbesar di dunia. Sumber alam berharga ini telah banyak menyumbang kepada pembangunan ekonomi Rusia, lebih-lebih lagi di bawah dasar ekonomi yang diterapkan oleh pentadbiran Putin. Permintaan yang tinggi terhadap sumber berkenaan telah menciptakan pasaran yang luas untuk Rusia. Akan tetapi, untuk memberdayakan sumber alam ini, Rusia memerlukan kerjasama dan kesepakatan dengan Ukraine. Ini kerana saluran paip gas yang menyalurkan bekalan eksport ke negara-negara Eropah berada dalam wilayah kedaulatan Ukraine.

Ukraine suatu masa dahulu mempunyai simpanan gas asli antara yang terbesar dan menjadi pembekal utama gas untuk KS pada era 1940-1950-an. Sebuah paip telah dibina dari Ukraine ke Moscow pada tahun 1949 bagi menyalurkan gas asli ke Rusia (Naumenko November 17, 2018). Akan tetapi, menjelang lewat tahun 1970-an simpanan

gas asli Ukraine semakin berkurangan, menyebabkan KS memindahkan pengeluaran gas asli ke Siberia Barat, iaitu sebuah wilayah dalam negara Rusia hari ini. Industri gas KS semakin berkembang melalui dua infrastruktur saluran paip yang dibangunkan, iaitu Brotherhood dan Soyuz yang menyalurkan gas masing-masing dari Siberia Barat dan Orenburg ke Eropah Barat (Kosowska dan Kosowski 2016, 760). Bermula dari ini, Rusia telah menjadi pengeluar gas asli terkemuka dan menjadi pengeksport terbesar dengan membekalkan 90 peratus pengeluaran gas aslinya ke Eropah. Gazprom kemudian dibangunkan sebagai syarikat pengendali dalam urusan pengeluaran, pengangkutan dan pengeksportan gas asli Rusia. Syarikat milik kerajaan Rusia ini memonopoli semua proses rantaian penghasilan gas, termasuklah laluan paip yang membekalkan gas ke Eropah, sama ada melalui Ukraine mahupun laluan alternatif di Laut Hitam (Kosowska dan Kosowski 2016, 762).

Dalam era kepimpinan Putin, beliau banyak melaksanakan dasar-dasar yang memberi tumpuan kepada sektor minyak dan gas asli. Sektor ini telah banyak memajukan ekonomi Rusia, justeru Putin dengan segala upaya memastikan Gazprom mengekalkan monopoli pembekalan gas, terutamanya di Eropah. Berdasarkan prestasi pasaran modal dan penilaian ke atas aset yang dimiliki menunjukkan Gazprom adalah syarikat yang terkaya di Rusia. Gazprom telah menyumbang sebanyak 8 peratus bagi Keluaran Dalam Negara Kasar bagi tahun 2005, selain memperuntukkan sebanyak 25 peratus daripada pendapatannya untuk belanjawan negara (Nadeja Januari 1, 2008).

Sungguhpun bekalan gas asli Rusia mendapat permintaan yang sangat tinggi, namun hal tersebut tidak membuatnya terlepas daripada sebarang isu dan konflik. Pada tahun 2009 telah berlaku pertikaian antara Rusia dan Ukraine berhubung kadar tarif baru penyaluran gas melalui Ukraine. Pertikaian ini gagal mencapai kata sepakat sehingga perjanjian tarif semasa tamat. Perjanjian kadar tarif selanjutnya tidak diperbaharui menyebabkan Rusia menangguhan penyaluran gas asli berkuatkuasa mulai 1 Januari 2009. Penangguhan ini menyebabkan banyak negara Eropah yang bergantung kepada bekalan gas asli dari Rusia telah terjejas. Tindakan Rusia ini menyebabkan KE mula berfikir dan merancang untuk melakukan liberalisasi terhadap pasaran gas Eropah. Cadangan ini turut dipersetujui oleh Suruhanjaya Eropah bahawa melalui sumber pembekal alternatif dapat mengurangkan kebergantungan Eropah terhadap bekalan gas Rusia (Kosowska dan Kosowski 2016, 759).

Pada bulan Oktober 2014, Presiden Ukraine, Petro Poroshenko (2014-2019) telah menggagaskan satu projek untuk tujuan reformasi terhadap sektor minyak dan gas Ukraine supaya mencapai standard Eropah. Melalui projek ini Naftohaz, iaitu syarikat gas Ukraine diarahkan untuk menawarkan akses terbuka kepada penyedia bekalan gas negara. Berdasarkan cadangan projek ini, mulai tahun 2018, setiap pembekal perlu dihadkan setakat 30 peratus sahaja daripada penggunaan tahunan Ukraine. Tindakan Ukraine ini dilihat realistik dan mengurangkan kebergantungan bekalan gas dari Rusia, namun di pihak Rusia ia adalah satu keputusan yang merugikan (De Micco 2014). Ini kerana acapkali berlaku pertikaian terhadap kadar tarif dan hutang belum dibayar, Rusia tidak teragak-agak menggantung bekalan gas mereka ke Ukraine dan Eropah menyebabkan mereka berhadapan kesukaran.

Faktor persekitaran dalaman boleh menjadi penyebab kepada berlakunya sesuatu konflik. Tindakan yang diambil oleh negara boleh disandarkan kepada penetapan dasar yang komprehensif dan kelebihan aset serta material yang dimiliki.

### *Oligarki dan Siloviki*

Peranan oligarki dalam pentadbiran Putin adalah kompleks dan mengalami perkembangan seiring masa. Pada tahun 1990-an, golongan oligarki ini sangat berkuasa dalam politik Rusia dan mempunyai pengaruh yang kuat dalam kerajaan. Namun begitu, Putin pada awal kekuasaannya pada tahun 2000-an telah memanfaatkan golongan oligarki ini untuk kepentingan kuasa. Pada masa kini, oligarki masih lagi memainkan peranan penting dalam ekonomi Rusia tetapi kuasa mereka bukan lagi sehebat suatu masa dahulu. Mereka masih lagi menguasaikekayaan dan berpengaruh tetapi harus dipastikan bahawa setiap tindakan mereka tidak sekali-kali mengatasi kuasa Putin.

Golongan oligarki ini menyediakan sokongan kewangan kepada kerajaan, selain mempromosikan kepentingan Rusia di luar negara. Mereka juga bertanggungjawab menghubungkan rangkaian dan pengaruh mereka di luar negara kepada Putin. Akan tetapi, Putin melihat oligarki ini berpotensi menjadi ancaman kepada diri dan kekuasaannya (Goldman 2004, 8). Sekiranya mereka terlalu berkuasa, mereka mampu mencabar autoriti Putin. Oleh sebab itu, Putin sentiasa memantau gerak-geri setiap individu daripada kalangan mereka (Goldman 2004, 9).

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini dapat dilihat hubungan pentadbiran Putin dengan oligarki ini sedikit bergolak. Ini disebabkan oleh sekatan yang dikenakan oleh pihak Barat kepada oligarki ini, bermula daripada pengambilalihan wilayah Crimea pada tahun 2014 oleh Rusia, apa lagi selepas serangan Rusia ke atas Ukraine pada tahun 2022. Setakat ini sebanyak USD58 bilion aset golongan oligarki ini disekat oleh pihak Barat (Hussein Julai 15, 2023). Sekatan ini telah merencatkan perniagaan mereka bahkan mengganggu kehidupan peribadi mereka kerana turut dikenakan sekatan perjalanan ke luar negara. Akibatnya, oligarki ini mula berani mengkritik Putin dan mengemacam tindakannya menyerang Ukraine pada tahun 2022 lalu (Gilchrist Mac 2, 2022). Tidak dapat dipastikan sama ada kritikan ini memberi kesan kepada Putin tetapi ramai pemerhati mengatakan hubungan kedua-dua pihak ini berada dalam keadaan kurang stabil.

Selain golongan oligarki, terdapat satu lagi kumpulan elit yang turut berkoordinasi dalam pentadbiran Putin. Sebilangan pendapat mengatakan, golongan kedua ini telah mengambil alih kedudukan oligarki dalam senarai keutamaan pempengaruh Kremlin kerana Putin dilihat semakin memperkasakan kumpulan ini (Rochlitz dan Soldatov 2019, 495). Siloviki merupakan istilah yang merujuk kepada badan keselamatan Rusia. Dikenali dengan julukan Russia's Force Ministries yang terdiri daripada anggota badan perisik Rusia, FSB (turut dianggotai oleh bekas anggota KGB), Kementerian Pertahanan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Darurat dan Kementerian Luar Negeri (Rochlitz dan Soldatov 2019, 497).

Sebagai kelompok terdekat dengan Putin, bukan sahaja dalam urusan pentadbiran negara bahkan juga secara peribadi, siloviki dilihat mempunyai pengaruh dalam setiap keputusan besar yang dibuat Putin. Siloviki memainkan peranan utamanya dalam mengekalkan kestabilan politik politik dan keselamatan negara. Mereka bertanggungjawab dalam menjaga keselamatan awam, selain menentang ancaman dari dalam dan luar. Siloviki akan bersidang di Majlis Keselamatan, iaitu satu elemen autonomi dalam pentadbiran Presiden Rusia. Ia merupakan badan pusat yang

bertanggungjawab menguruskan formulasi dan pelaksanaan dasar-dasar yang berkaitan keselamatan (Galeotti Oktober 15, 2019).

Nikolai Patrushev misalnya, salah seorang individu yang paling rapat dengan Putin. Hubungannya selama 30 tahun dengan Putin, memberi kelebihan kepada beliau untuk mempengaruhi keputusan Putin, lebih-lebih lagi bersandarkan kedudukan beliau sebagai Setiausaha dalam Majlis Keselamatan Rusia (Sternthal 2022). Beliau berperanan menyelaras semua maklumat perisikan negara yang diterima daripada sumber dan rangkaian luar negara, seterusnya dianalisis dan diinterpretasi. Setelah dikenalpasti, sekiranya berita yang diterima berbentuk konspirasi yang memburukkan imej Rusia atau diklasifikasikan sebagai berita ‘tajaan pihak Barat’, beliau akan membuat kenyataan dan menggunakan rangkaian media bagi menangkis berita tersebut (Sternthal 2022).

Berkenaan serangan Rusia ke atas Ukraine pada tahun 2022 juga, sebahagian besar plot alasan serangan itu dibuat oleh Patrushev. Sternthal (2022) memetik kenyataan Patrushev daripada sumber berita Rossiskaya Gazeta bertarikh April 26, 2022 menegaskan bahawa serangan Rusia itu dipicu oleh niat jahat Barat, terutamanya AS. Ukraine hanya dipergunakan AS untuk mencapai matlamat mengawal kuasa dan pengaruh Rusia. Rusia tidak tunduk, sekalipun terpaksa berhadapan dengan AS (*Reuters* Februari 23, 2022). Dalam erti kata lain, siloviki juga berperanan sebagai ejen propaganda Rusia.

### ***Ketenteraan Rusia: Nuklear dan Ketenteraan Konvensional***

Kekuatan Rusia dari aspek pertahanan nuklear tidak boleh disangkal, sekalipun oleh AS. Ini kerana, Rusia memiliki jumlah kepala peledak nuklear yang terbanyak di dunia. Strategi pencegahan nuklear oleh Rusia seringkali ditafsir Barat sebagai *escalate to de-escalate*. Barat menganggap Rusia sentiasa siaga untuk menggunakan senjata nuklearnya sejak peringkat awal konflik bagi melemahkan dan menamatkan konfrontasi dengan segera (Wachs November 25, 2022).

Beberapa dekad kebelakangan ini Rusia dilihat telah melakukan modenisasi terhadap senjata nuklearnya. Tidak hanya membangunkan sistem senjata baharu tetapi juga mengembangkan teknologi nuklear yang sedia ada. Tujuannya adalah untuk menyaingi jumlah senjata nuklear milik AS. Pada masa kini, Rusia telah berjaya mendahului AS dengan jumlah sebanyak 4,489 peledak aktif. Sebanyak 1,674 peledak digunakan sebagai peluru berpandu balistik antara benua (ICBM) yang ditempatkan di darat dan pangkalan pengebom berat, juga peluru berpandu antara benua yang diluncurkan dari kapal selam (SLBM) (Kristensen, Korda dan Reynolds Mei 9, 2023). Terdapat lebih kurang 999 kepala peledak strategik dan 1,816 bukan strategik yang disimpan. Sebagai tambahan, terdapat sebanyak 1,400 peledak tidak aktif yang masih berkeadaan baik, menunggu masa untuk dileraikan, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 5,889 kepala peledak di Rusia.

Pada bulan Februari 2018, Rusia secara signifikan telah mengurangi jumlah kepala peledak nuklearnya, sebagai mematuhi syarat yang telah ditetapkan dalam Perjanjian Pengurangan Senjata Nuklear Strategik Baharu (Rochlitz 2019, 495) yang menetapkan jumlah kepala peledak tidak boleh melebihi 1,550 unit. Jumlah sebenar pecahan senjata nuklear Rusia tidak diketahui kerana Rusia, tidak seperti AS yang menyatakan secara jelas kepada umum jumlah yang dimilikinya. Namun mengikut perkiraan, kemungkinan pengurangan yang dibuat adalah dalam kategori senjata peluru berpandu balistik antara benua SS-18 dan SS-27 Mod 2 dan juga peluru berpandu balistik antara benua yang

diluncurkan daripada kapal selam SS-N-32 (Kristensen, Korda, dan Reynolds Mei 9, 2023). Ini menunjukkan pengurangan yang dibuat Rusia adalah pada senjata nuklear yang telah ditempatkan (aktif). Ini memberi maksud bahawa, walaupun berlaku pengurangan jumlah nuklear aktif di lapangan tetapi Rusia masih mempunyai senjata nuklear simpanan yang masih boleh dikerahkan.

Keupayaan ketenteraan Rusia adalah antara yang terkuat di dunia. Menurut *Global Firepower* (Okttober 28, 2023), Rusia berada di kedudukan kedua selepas AS. Bagi mencari jawapan mengapa Rusia menitikberatkan keupayaan ketenteraannya, perlu dilihat kepada dasar keselamatan yang ditetapkan Rusia. Pertama, Rusia secara konsisten melihat kekuatan ketenteraan sebagai tunjang kepada kestabilan dan keamanan negaranya (Radin *et al.* Julai 18, 2019). Kedua, Rusia ingin mempertahankan dan mempertingkatkan pengaruhnya di kawasan serantau (*near abroad*), iaitu menjadi pusat graviti politik, ekonomi dan keselamatan di rantau Eropah Timur yang terdiri daripada negara-negara bekas pecahan KS yang kini kebanyakannya telah bergabung dengan NATO dan KE (Radin *et al.* Julai 18, 2019). Tujuan Rusia melibatkan upaya tenteranya dalam setiap peristiwa yang berlaku di rantau ini, terkini, di Ukraine bertujuan untuk mengurangkan pengaruh Barat di sana. Rusia menganggap keberadaan Barat di rantau tersebut akan meningkatkan integrasi negara-negara jiran Rusia yang lain ke dalam institusi Euro-Atlantik. Sekiranya ini berlaku, potensi untuk NATO meletakkan aset-aset strategiknya di sempadan negara Rusia adalah tinggi (Radin *et al.* Julai 18, 2019).

Ketiga, Rusia ingin meningkat dan memperkuatkan status kuasa besarnya. Rusia memberi perhatian dalam semua isu yang berlaku di peringkat global dan mahu bersuara secara lantang atas nama Rusia. Secara praktikalnya, Rusia mahu kuasa vetyonya di Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Majlis Keselamatan PBB dipandang dan diperkasakan. Rusia mahu mempertahankan kesetaraan kuasa nuklearnya dengan AS, selain menunjukkan keupayaan ketenteraannya di *near abroad*. Oleh yang demikian, dapat dilihat pada setiap tahun yang terlibat dengan konflik akan menyebabkan perbelanjaan ketenteraan Rusia meningkat secara mendadak kerana ketenteraan adalah elemen yang paling penting bagi Rusia dalam menjaga kepentingan nasionalnya.

Kedua-dua faktor luaran dan dalaman seperti yang telah dikupas menjadi pencetus kepada serangan Rusia ke atas Ukraine pada tahun 2022 yang lalu.

### **Kesimpulan**

Serangan Rusia ke atas Ukraine pada tahun 2022 yang lalu bukanlah satu permulaan. Konflik antara kedua-dua negara ini sebenarnya telah tercusus semenjak tahun 2014 lagi apabila Rusia menduduki Crimea dan sokongan Rusia ke atas puak pemisah di Donbas pada tahun yang sama. Tindakan Rusia ini mengundang kecaman antarabangsa seperti KE, PBB dan NATO. Hasrat Ukraine untuk bergabung dengan NATO dan perluasan NATO di Eropah Timur menambahkan lagi ketegangan antara Rusia dengan Ukraine-NATO.

Terdapat dua faktor yang mencetuskan berlakunya konflik Rusia terhadap Ukraine, iaitu dalaman dan luaran. Faktor luaran seperti peluasan kuasa dan pengaruh AS sebagai negara adikuasa ke Eropah Timur dilihat mengancam keselamatan Rusia. Begitu juga peluasan KE dan NATO, di mana kedua-dua entiti yang memiliki kuasa ekonomi dan ketenteraan dunia ini juga dilihat boleh menggugat pengaruh Rusia di rantau ini. Kuasa geoekonomi Rusia di luar negara berperanan dalam mencetuskan konflik tersebut. Dengan kuasa minyak dan gas, Rusia memiliki keupayaan untuk memutuskan bekalan gas ke negara Eropah, termasuk Ukraine. Hal ini tentunya mencetuskan rasa tidak puas

hati dalam kalangan KE berikutan kebergantungan mereka terhadap gas Rusia.

Faktor dalaman juga tidak kalah pentingnya di mana Putin dan sekumpulan elit Rusia memainkan peranan dalam mengambil keputusan penting negara. Keupayaan ketenteraan Rusia yang hebat dan setanding dengan negara Barat juga dilihat menjadi faktor dalaman yang menyebabkan Rusia mengambil keputusan untuk menduduki Crimea, Donbas dan serangan ke atas Ukraine pada 2022 yang lalu. Kecenderungan Ukraine kepada Barat, seperti KE dan NATO, pengaruh Barat terhadap kepimpinan di Ukraine dan tindakan Barat mengenakan sekatan ke atas Rusia ekoran konflik Rusia-Ukraine adalah antara elemen ancaman yang dipersepsikan oleh Rusia. Faktor-faktor tersebut yang menjadi pendorong kepada tindakan preemptive Rusia kerana ia dilihat boleh mengancam kepentingan Rusia di Ukraine. Tindakan Rusia menyerang Ukraine adalah perkara yang wajar bagi memastikan survival dan keselamatan kedaulatan Rusia daripada ancaman kuasa NATO yang semakin hampir di rantau Eropah Timur.

### **Penghargaan dan Pengisytiharan**

Para penulis merakamkan penghargaan kepada para penilai tanpa nama (*anonymous reviewers*) kerana sudi menilai dan mencadangkan penambahbaikan kualiti manuskrip. Tiada potensi konflik berkepentingan sepanjang proses penerbitan. Penulis juga menzahirkan ucapan terima kasih kepada Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kerajaan Malaysia atas tajaan pengajian sehingga kajian ini berjaya dihasilkan.

### **Rujukan**

- Al Jazeera*. Mac 3, 2022. "UN Resolution Against Ukraine Invasion: Full Text." *Al Jazeera*. Accessed May 5, 2023. Available at: <https://www.aljazeera.com/news/2022/3/3/unga-resolution-against-ukraine-invasion-full-text>.
- BBC*. Mac 11, 2014. "Why Crimea is So Dangerous?" *BBC*. Accessed April 10, 2023. Available at: <https://www.bbc.com/news/world-europe-26367786>.
- Berita Harian*. Januari 18, 2023. "AS Hantar Pakej Terbaru Bantuan AS\$3.5 Bilion Kepada Ukraine." *Berita Harian*. Dilayari July 5, 2023. Boleh dicapai melalui: <https://www.bharian.com.my/dunia/eropah/2023/01/1053645/hantar-pakej-terbaru-bantuan-as35-billion-kepada-ukraine>.
- Bloomberg*. September 13, 2022. "Ukraine Latest: US Sees 'Shift in Momentum,' Prepares More Aid." *Bloomberg*. September 13. Accessed July 10, 2023. <https://www.bloomberg.com/news/articles/2022-09-13/ukraine-latest-zelenskiy-says-6-000-square-kilometeres-regained>.
- Brookings*. Mac 17, 2020. "Crimea: Six Years After Illegal Annexation, Order from Chaos." *Brookings* March 17, 2020. Accessed April 11, 2023. Available at: <https://www.brookings.edu/blog/order-from-chaos/2020/03/17/crimea-six-years-after-illegal-annexation/>.
- Chomsky, Noam. 2017. *Who Rules the World?* London: Penguin Books.
- Choonara, Joseph. Mac 29, 2022. "The Devastation of Ukraine: NATO, Russia and

- Imperialism." *International Socialism: A Quarterly Review of Socialist Theory* no. 174. Accessed July 15, 2022. Available at: <http://isj.org.uk/devastation-of-ukraine/>.
- CNN. Februari 23, 2023. "Russia's War on Ukraine One Year On." *CNN*. Accessed July 10, 2023. Available at: <https://edition.cnn.com/interactive/2023/02/europe/russia-ukraine-war-timeline/index.html>.
- D'Anieri, Paul. 2023. *Ukraine and Russia: From Civilized Divorce to Uncivil War*. Cambridge: Cambridge University Press.
- De Micco, Pasquale. 2014. "The Russian-Ukrainian Gas Deal: Taking the Bite Out of Winter?" *European Union (EU) Parliament*. Accessed April 14, 2023. Available at: [https://www.europarl.europa.eu/RegData/etudes/BRIE/2014/536415/EXPO\\_BRI\(2014\)536415\\_EN.pdf](https://www.europarl.europa.eu/RegData/etudes/BRIE/2014/536415/EXPO_BRI(2014)536415_EN.pdf).
- Dobos, Bohumil. 2023. "The Tale of Two Empires: Ukraine Between the West and Russia." *Journal of Regional Security* 18, no 1: 77-96
- Fischer, Sabine. 2019. "The Donbass Conflict: Opposing Interests and Narratives, Difficult Peace Process." SWP Research Paper, *Stiftung Wissenschaft und Politik (SWP)*. Accessed June 15, 2023. Available at: [https://www.swp-berlin.org/publications/products/research\\_papers/2019RP05\\_fhs.pdf](https://www.swp-berlin.org/publications/products/research_papers/2019RP05_fhs.pdf).
- Fitzgerald, Mary, and Edward Davis Jr. Julai 5, 2023. "Russia Invades Ukraine: A Timeline of the Crisis." *US News & World Report*. Accessed July 5, 2023. Available at: <https://www.usnews.com/news/best-countries/slideshows/a-timeline-of-the-russia-ukraine-conflict?slide=10>.
- Galeotti, Mark. Oktober 15, 2019. "Russia's Security Council: Where Policy, Personality and Process Meet." *George C. Marshall European Center for Security Studies (Marshall Center)*. Accessed June 20, 2023. Available at: <https://www.marshallcenter.org/en/publications/security-insights/russias-security-council-where-policy-personality-and-process-meet-0>.
- Gilchrist, Karen. Mac 2, 2022. "'We Can Never be the Answer': Russia's Wealthy Elite Speak Out against Putin's Invasion." *CNBC*. Accessed July 15, 2023. Available at: <https://www.cnbc.com/2022/03/02/russias-oligarch-elite-speak-out-against-putins-invasion-of-ukraine.html>.
- Global Firepower*. Oktober 28, 2023. "2023 Russia Military Strength." *Global Firepower*. Accessed June 10, 2023. Available at: [https://www.globalfirepower.com/country-military-strength-detail.php?country\\_id=russia](https://www.globalfirepower.com/country-military-strength-detail.php?country_id=russia).
- Goldman, Marshall I. 2004. "Putin and the Oligarchs." *World Politics* 56, no. 1: 1-38.
- Götz, Elias. and Jorgen Staun. 2022. "Why Russia Attacked Ukraine: Strategic Culture and Radicalized Narratives." *Contemporary Security Policy* 43, no. 3: 482-497.
- Hudson, George E. 1994. "Russia's Search for Identity in the Post-Cold War World."

- International Studies Review* 38, no. 2: 235-240.
- Hussein, Fatima. Julai 15, 2023. "US Turns to New Ways to Punish Russian Oligarchs for the War." *AP News*. Accessed July 15, 2023. Available at: <https://apnews.com/article/russia-ukraine-war-sanctions-oligarchs-money-laundering-766fa10695ee7bb20175a474028ee562>.
- Kappeler, Andreas. 2014. "Ukraine and Russia: Legacies of the Imperial Past and Competing Memories." *Europe-Asia Studies* 66, no. 2: 289-308.
- Katchanovski, Ivan. Mac 24, 2015. "Crimea: People and Territory Before and After Annexation." *E-International Relations*. Accessed April 10, 2023. Available at: <https://www.e-ir.info/2015/03/24/crimea-people-and-territory-before-and-after-annexation/>.
- Kosowska, Katarzyna, and Piotr Kosowski. 2016. "The Geopolitics of Gazprom's Pipelines." *AGH Drilling, Oil, Gas* 33, no. 4: 757-766.
- Kristensen, Hans M., Matt Korda and Eliana Johns. Mei 9, 2023. "Nuclear Notebook: Russia Nuclear Weapons, 2023." *Bulletin of the Atomic Scientist*. Accessed April 10, 2023. Available at: <https://thebulletin.org/premium/2023-05/nuclear-notebook-russian-nuclear-weapons-2023/>
- Kuzio, Taras. and Paul D'Anieri. 2018. *The Sources of Russia's Great Power Politics: Ukraine and the Challenge to the European Order*. Bristol: E-International Relations Publishing.
- Lazarević, Dusica. 2009. "NATO Enlargement to Ukraine and Georgia: Old Wine in New Bottles?" *Connections* 9, no. 1: 29-66.
- Liu, Zhongmin and Meng Shu. 2023. "The Russia–Ukraine Conflict and the Changing Geopolitical Landscape in the Middle East. *China: International Strategy Review*. 5: 99–112.
- Matsaberidze, David. 2015. "Russia vs. EU/US through Georgia and Ukraine." *Connections* 14, no. 2: 77-86.
- Mohamed, Edana. and Virginia Pietromarchi. September 29, 2022. "Latest Ukraine Updates: US Calls Russian Annexation a 'Land Grab'." *Al Jazeera*. Accessed July 10, 2023. Available at: [https://www.aljazeera.com/news/liveblog/2022/9/29/russia-ukraine-live-news-annexed-regions-could-join-by-tuesday-2?traffic\\_source=KeepReading](https://www.aljazeera.com/news/liveblog/2022/9/29/russia-ukraine-live-news-annexed-regions-could-join-by-tuesday-2?traffic_source=KeepReading).
- Nadejda, Victor M. Januari 1, 2008. "Gazprom: Gas Giant Under Strain." *Stanford Program on Energy and Sustainable Development*. Accessed April 10, 2023. Available at: [https://pesd.fsi.stanford.edu/publications/gazprom\\_gas\\_giant\\_under\\_strain](https://pesd.fsi.stanford.edu/publications/gazprom_gas_giant_under_strain)
- NATO. 2023. "The North Atlantic Treaty." *North Atlantic Treaty Organization (NATO)*. Accessed Julai 12, 2023. Available at: [https://www.nato.int/cps/en/natolive/official\\_texts\\_17120.htm#:~:text=Article%2010,to%20accede%20to%20this%20Treaty](https://www.nato.int/cps/en/natolive/official_texts_17120.htm#:~:text=Article%2010,to%20accede%20to%20this%20Treaty).

- NATO. Mac 24, 2022. "Statement by NATO Heads of State and Government." *North Atlantic Treaty Organization (NATO)*. Accessed July 12, 2023. Available at: [https://www.nato.int/cps/en/natohq/official\\_texts\\_193719.htm](https://www.nato.int/cps/en/natohq/official_texts_193719.htm)
- Naumenko, Dmytro. November 17, 2018. "Russian Gas Transit Through Ukraine After Nord Stream 2: Scenario Analysis." *Ukrainian Centre for European Policy*. Accessed May 10, 2023. Available at: <https://www.kas.de/documents/270026/0/Russian+gas+transit+through+Ukraine+after+NS2.+Scenario+Analysis.pdf/>.
- Peou, Sorpong. 2023. "Why Asia Will Be Unstable but not at War: Toward A Democratic Realist Perspective." *SINERGI: Journal of Strategic Studies & International Affairs* 3, no. 1: 6-24.
- Pifer, Steven. Mac 4, 2015. "Russian Aggression against Ukraine and the West's Policy Response." *Brookings*. Accessed May 1, 2023. Available at: [https://www.brookings.edu/wp-content/uploads/2016/06/russia\\_ukraine\\_west\\_response\\_pifer-1.pdf](https://www.brookings.edu/wp-content/uploads/2016/06/russia_ukraine_west_response_pifer-1.pdf).
- Puri, Samir. 2022. *Russia's Road to War with Ukraine*. London: Biteback Publishing.
- Radin, Andrew., Lynn E. Davis, Edward Geist, Eugeniu Han, Dara Massicot, Matthew Povlock, Clint Reach, Scott Boston, Samuel Charap, William Mackenzie, Katya Migacheva, Trevor Johnston and Austin Long. Jun 18, 2019. "The Future of the Russian Military: Russia's Ground Combat Capabilities and Implications for US-Russia Competition." *RAND Research and Commentary, RAND Corporation*. Accessed July 10, 2023. Available at: [https://www.rand.org/content/dam/rand/pubs/research\\_reports/RR3000/RR3099/RAND\\_RR3099.pdf](https://www.rand.org/content/dam/rand/pubs/research_reports/RR3000/RR3099/RAND_RR3099.pdf).
- Ratten, Vanessa. 2023. "The Ukraine/Russia conflict: Geopolitical and international business strategies." *Thunderbird International Business Review* 65, no. 2: 265–271.
- Reuters. Februari 23, 2022. "Full Transcript of Zelenskyy's Emotional Appeal to Russians." *Reuters News*. Accessed July 10, 2023. Available at: <https://www.reuters.com/world/europe/zelenskiy-speaks-war-putin-makes-passing-reference-contrasting-new-year-speeches-2024-01-01/>
- Rochlitz, Michael. 2019. "The Return of the Siloviki: An Introduction." *Russian Politics* 4, no. 4: 493-498.
- Rodrigues, Anselmo de Oliveira. and Ricardo de Amorim Araujo Pereira. 2020. "The Conflict Between Russia and Ukraine in 2014, From the Perspective of Russian Geopolitics." *R. Esc. Guerra Nav., Rio de Janeiro [Journal of the Naval War College]* 26, no. 1: 198-220.
- Rutland, Peter. 2015. "An Unnecessary War: The Geopolitical Roots of the Ukraine Crisis." In *Ukraine and Russia: People, Politics, Propaganda and Perspectives*, edited by Agnieszka Pikulicka-Wilczewska and Richard Sakwa, 122-133. Bristol: E-International Relations Publishing.
- Sakwa, Richard. 2015. *Frontline Ukraine: Crisis in the Borderland*. London:

Bloomsbury.

- Seddon, Max., Henry Foy, and Polina Ivanova. September 21, 2022. "Vladimir Putin Mobilizes Army Reserves to Support Ukraine Invasion." *Financial Times*. Accessed July 10, 2023. Available at: <https://www.ft.com/content/fc1413ee-0900-479d-84c3-403bc7e42979>.
- Sternthal, Susanne. 2021. "As one of Vladimir Putin's Closest Advisers on Ukraine, Nicolai Patrushev Spreads Disinformation and Outlandish Conspiracy Theories." *The Conversation*. Accessed Julai 13, 2023. <https://theconversation.com/as-one-of-vladimir-putins-closest-advisers-on-ukraine-nicolai-patushev-spreads-disinformation-and-outlandish-conspiracy-theories-183699>.
- Sule, Babayo, Bashir Sa'ad Ibrahim and Muhammad Yusuf Adamu. 2022. "The Politics of Regional Security Threat in Nigeria." *SINERGI: Journal of Strategic Studies & International Affairs* 2, no. 1: 48-75.
- Wachs, Lydia. November 25, 2022. "The Role of Nuclear Weapons in Russia's Strategic Deterrence: Implications for European Security and Nuclear Arms Control." SWP Research Paper, *Stiftung Wissenschaft und Politik (SWP)*. Accessed July 15, 2023. Available at: <https://www.swp-berlin.org/10.18449/2022C68/>.
- Webber, Mark, and James Sperling. 2017. "NATO and the Ukraine Crisis: Collective Securitisation." *European Journal of International Security* 2, no. 1: 19-46.